

17/05/1997

KM Melaka: PM, TPM sudah bincang

PEKAN, Jumaat - Datuk Seri Dr Anwar Ibrahim sudah menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan calon Ketua Menteri Melaka yang baru, menggantikan Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani, yang meninggal dunia, Rabu lalu.

Menurutnya, dalam pertemuan itu, Perdana Menteri ada menyebut nama calon berkenaan kepadanya tetapi keputusan berhubung perkara itu akan dilakukan kemudian.

Bagaimanapun, kata Timbalan Perdana Menteri, beliau menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk membuat keputusan muktamad berhubung calon yang layak menjadi Ketua Menteri Melaka.

"Saya menyerahkan kepada beliau untuk membuat keputusan akhir mengenainya," kata Anwar kepada pemberita selepas mengunjungi Sultan Pahang di Istana Abu Bakar, di sini petang ini.

Turut mengiringi Anwar ialah isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Sebelum itu, Sultan Pahang, Anwar dan Najib bersembahyang Jumaat di Masjid Padang Polo berhampiran Istana.

Laporan akhbar hari ini menyebut, Perdana Menteri menyerahkan tanggungjawab melantik Ketua Menteri Melaka yang baru kepada Anwar, yang akan menjadi pemangku Perdana Menteri sepanjang percutian Dr Mahathir selama dua bulan, mulai Isnin ini.

Mengikut Perlembagaan Negeri Melaka perenggan 19.5, sesuatu kekosongan luar jangkaan perlu dipenuhi dalam tempoh 60 hari daripada tarikh kekosongan itu berlaku dan satu pilihan raya hendaklah diadakan sewajarnya.

(END)